

## **'NUR Alert' rekod kanak-kanak hilang**

KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama-sama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil inisiatif merangka satu sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak yang dikenali dengan nama 'NUR Alert'.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, sistem ini diwujudkan bagi merekod kehilangan kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

"Melalui sistem ini, maklumat kanak-kanak yang hilang disebarluaskan secara meluas kepada masyarakat umum menerusi pelbagai medium seperti laman sesawang, poster, sistem pesanan ringkas, akhbar dan papan kenyataan.

"Berdasarkan statistik PDRM, kes kanak-kanak di bawah 18 tahun yang dilapor-

kan hilang pada 2016 adalah sebanyak 824 kes. Daripada jumlah tersebut, kanak-kanak yang dilaporkan melalui sistem ini bagi tahun sama adalah seramai 11 orang," katanya menjawab pertanyaan Datuk Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong).

Katanya, sistem tersebut melibatkan kerjasama bersepada antara kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Menerusi kerjasama ini, penyebaran maklumat mengenai kanak-kanak hilang dapat dilakukan dalam masa yang singkat.

"Justeru langkah ini juga dapat meningkatkan peluang kanak-kanak tersebut dikesan dan seterusnya ditemui," katanya.